

Imbas kod QR untuk menyaksikan video penjelasan isu Taman Awam Bukit Kiara oleh YB Menteri.



Kuala Lumpur yang lebih selamat

Oleh AZLAN ZAMBRY
Foto NAZIRUL ROSELAN

KUALA LUMPUR bakal setanding ibu kota dunia dalam usaha untuk menjadikan bandaraya ini sebagai bandar pintar dan selamat.

Bagi menjayakan hasrat tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) merencanakan lebih 5,000 unit kamera televisyen litar tertutup (CCTV) di segenap penjuru Kuala Lumpur bagi meningkatkan imejnya setanding dengan bandaraya utama lain di seluruh dunia.

CCTV yang dikelolakan oleh Command Centre Traffic Information System ini mempunyai keupayaan kecerdasan buatan dan pengesanan wajah untuk melaksanakan pelbagai fungsi merangkumi pengurusan trafik, pemantauan jenayah, kawasan banjir dan taman-taman awam.

BERSAMBUNG KE MUKA 2

■ Lagi penjelasan isu Taman Awam Bukit Kiara ►► 3

Projek rumah mampu milik tergendala kerana dihentikan oleh kerajaan PH

BEBERAPA projek perumahan mampu milik tergendala kerana dihentikan oleh kerajaan terdahulu dedah Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa di Dewan Rakyat pada Rabu.

Menurutnya, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) pada awalnya mensasarkan untuk menyediakan 80,000 unit rumah mampu milik di Wilayah

Persekutuan yang dijadualkan siap pada akhir 2028.

“Sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 57,799 unit iaitu 93 projek telah dikeluarkan kelulusan Perintah Pembangunan (DO) bagi membina rumah kepada warga Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur sebanyak 54,111 unit, Putrajaya sebanyak 2,908 unit dan Labuan sebanyak 780 unit.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15,431 unit rumah iaitu 26 projek telah siap dibina dan 27,332 unit rumah iaitu 37 projek masih dalam pembinaan.

“Beberapa projek telah tergendala kerana keputusan pentadbiran terdahulu menamatkannya sebelum waktu (secara pramatang) dan oleh itu peraturan projek yang

masih belum siap agak tinggi,” katanya dalam ucapan pengumuman KWP.

Menurut Annuar, kementerianannya kini juga memberi tumpuan kepada Program Residensi Prihatin bagi membantu warga Wilayah Persekutuan berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman berkualiti dengan harga RM200 ribu dan ke bawah untuk seunit rumah.

“5,000 unit disasarkan siap dalam tempoh tiga tahun.”

Selain dari itu, KWP juga memperkenalkan inisiatif *Council Home* yang menyediakan rumah kediaman bertingkat dengan keluasan sehingga 800 kaki persegi. Rumah ini dilengkapi kemudahan asas dengan kadar sewa RM500 - RM850 bagi tempoh maksima selama lima tahun. **W3**

5,680 unit CCTV menjelang 2021

DARI MUKA HADAPAN

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** dalam ucapan penggulungan untuk KWP di parlimen pada Rabu memberikan perincian terhadap cadangan tersebut.

"Kita telah mendengar laporan yang dikemukakan bahawa kadar jenayah di KL tinggi. Seperti mana yang kita tahu, kaedah pembanterasannya jenayah ada pelbagai cara yang dilakukan dan melibatkan pelbagai agensi.

"Satu kaedah yang digunakan oleh bandar-bandar di seluruh dunia adalah untuk memastikan apa juga yang berlaku dalam sebuah bandar dapat dirakamkan supaya tindakan-tindakan cepat dapat diambil.

"Apabila berlaku sesuatu kes seperti jenayah, kemalangan, bencana ataupun hal-hal yang lain yang berkaitan dengan *urban management* termasuk trafik, banjir kilat dan sebagainya."

Untuk rekod, ketika ini Kuala Lumpur masih berada jauh dibelakang jika dibandingkan dengan ibukota lain dari sudut ratio pemasangan CCTV berdasarkan kepada 1000 penduduk.

Bandaraya Beijing memasang 56 unit kamera untuk setiap 1000 penduduk, bandaraya London 67, hatta negara jiran Singapura, memasang 15 kamera dan Bangkok lima unit.

Dijangka pada tahun 2021, Kuala Lumpur akan mempunyai 5680 unit CCTV. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah sangat rendah dimana nisbah CCTV berbanding 1000 orang bagi Kuala Lumpur adalah kurang daripada tiga CCTV (2.9).

Annuar berkata, KWP berpendapat sudah sampai masa untuk pihaknya menaiktaraf kamera-kamera yang dipasang sebelum ini untuk tujuan spesifik dan berbeza-beza.

"Sebagai contoh, ada kamera dipasang untuk kawalan trafik, ada kamera hanya beberapa ratus unit yang dipasang dan dikawal selia oleh pihak polis dan adanya kamera dipasang untuk peristiwa-peristiwa besar contohnya persidangan seperti APEC yang hendak dijalankan.

"Setiap kamera mempunyai fungsi yang berbeza-beza dan teknologi terkini memungkinkan semua kamera ini boleh dilengkapi untuk fungsi yang berbagai-bagai.



TAN Sri TPr Annuar Musa menggulung jawapan Kementerian Wilayah Persekutuan di Dewan rakyat pada Rabu.

"Pada masa ini, terdapat kira-kira 1,900 kamera khusus untuk pemantauan lalu lintas, 100 unit kamera untuk pemantauan Kawasan Hotspot Banjir, 270 bagi taman-taman awam untuk keselamatan awam dan pengawasan vandalisme.

"Kira-kira 130 kamera bagi kawasan River of Life (RoL) dan beberapa kamera dipasang di pasar-pasar termasuk untuk pemantauan kes-kes yang termasuk kesihatan, 309 kamera untuk pemantauan jenayah," katanya.

"Apa yang lebih penting, kesemua kamera ini diharap dapat menyumbangkan ke arah Kuala Lumpur yang lebih selamat atau *safecity*," katanya sambil menambah agar semua kamera ini dapat diuruskan secara berpadu, dilengkapi dengan pelbagai fungsi supaya ia lebih ekonomi.

Kata Annuar, beliau berharap jumlahnya dapat dipertingkatkan dan telah meminta kepada DBKL untuk mempertimbangkan agar memasukkan dalam Perintah Pembangunan (DO) kepada mana-mana pemaju yang menerima kelulusan membangunkan sesuatu kawasan di Kuala Lumpur.

"Apabila mana-mana pemaju yang telah diluluskan pembangunan, mereka dikehendaki

memasang kamera dengan spesifikasi tertentu agar jumlah kamera bukan hanya dibekalkan oleh kerajaan tetapi ia turut dipasang oleh pihak swasta.

"Ia bertujuan agar jurang ratio yang agak rendah pada masa ini berbanding bandaraya lain dapat dipertingkatkan untuk bandaraya Kuala Lumpur," katanya.

Dalam pada itu, dalam soalan tambahan yang dikemukakan oleh Fahmi Fadzil (PH-Lembah Pantai), Annuar turut mengakui bahawa setiap teknologi itu

agak cepat dan pantas telah berlaku keadaan di mana *hardware* atau alat ganti yang dahulu sudah tidak sesuai diguna untuk masa kini kerana perancangan kamera pada masa itu digunakan untuk pengawasan trafik.

"Dengan matlamat dan kaedah baru sememangnya DBKL perlu melihat secara menyeluruh, dan diintegrasikan," katanya. 

66 Terdapat kira-kira 1,900 kamera khusus untuk pemantauan lalu lintas, 100 unit kamera untuk pemantauan Kawasan Hotspot Banjir, 270 bagi taman-taman awam untuk keselamatan awam dan pengawasan vandalisme.

- ANNUAR MUSA -

Imbas kod QR untuk menyaksikan video penggulungan YB Menteri di Dewan Rakyat pada Rabu.



RINGKASAN JAWAPAN PARLIMEN KWP

Jambatan Labuan di fasa akhir kajian kebolehlaksanaan

KAJIAN kebolehlaksanaan projek pembinaan jambatan yang menghubungkan Labuan dengan tanah besar Borneo, khususnya Sabah, kini di peringkat akhir, kata Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa.

Beliau berkata satu kertas jemaah menteri sedang disiapkan kementerannya bersama Kementerian Kerja Raya bagi mendapat kelulusan untuk membuat Permohonan Cadangan (RFP) bagi membina jambatan itu.

"... Labuan mempunyai kedudukan yang strategik dan boleh diangkat kepada satu kedudukan yang lebih tinggi sesuai dengan kedudukannya sebagai sebahagian daripada Wilayah Persekutuan (WP)," katanya.

Sementara itu, Annuar berkata sehingga 30 Jun lepas, jumlah permohonan berdaftar dan masih aktif di bawah sistem e-perumahan DBKL adalah sebanyak 35,141 permohonan dan daripada jumlah itu, sebanyak 1,080 pemohon telah diluluskan dan mereka sedang disemak taraf pendapatan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Beliau berkata pihaknya turut memberi jaminan akan mewartakan tanah di Taman Tugu untuk kekal sebagai taman awam.

"Kita telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan syarat nyata tadi iaitu tanah pada kategori bangunan diubah selari dengan apa yang telah diputuskan oleh kerajaan ia harus menjadi taman awam," katanya.

Pembangunan Quran Village di Putrajaya

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Perbadanan Putrajaya telah memohon kepada EPU peruntukan di bawah RMKe-12 sejumlah RM189.7 juta untuk pembinaan Quran Village di atas tapak seluas 10 hektar di Presint 14, Putrajaya.

Pembangunan Quran Village ini yang akan siap pada 2025 merupakan kesinambungan daripada pembangunan Nasyrul Quran (pusat menyalin dan percetakan Al-Quran ke-2 terbesar di dunia). Sehingga kini sejumlah lebih 2 juta naskah Al-Quran dan kitab-kitab yang berkaitan telah dihasilkan dan diedarkan di Malaysia, Kemboja dan rantau Asia serta Afrika.

Antara komponen cadangan Quran Village adalah seperti berikut:

Fasa 1 (2020 - 2022)

- 1) Masjid Az-Zikr - (RM45.0juta) Boleh memuatkan 3000 jemaah dan Galeri Al-Quran 30 juzuk dan ruang pameran sirah-sirah Islam di aras 2 masjid
- 2) Pusat Tijarah - (RM30 juta) pusat e-perniagaan, kios dan bazar
- 3) Pusat Sains Quran dan Sirah - (RM25 juta) pusat pameran dengan teknologi moden yang terkini seperti Panel Skrin Sentuh Interaktif, 'Projection Mapping', Augmented Reality (AR), Paparan Hologram, Smart Sensors, Planetarium & Teknologi 'Immersive';

Fasa 2 (2022 - 2025)

- 4) Institut Al-Jawf dan Al-Quran - (RM39.5 juta) terdiri daripada 250 Bilik Penginapan, Kafeteria, Dewan Utama, Bilik VIP, Dewan Seminar dan lain-lain;
- 5) Pusat Seni Mushaf/Restu Art - (RM20.2 juta) tempat menghasilkan produk kraf dan pusat latihan keusahawanan dengan mempunyai bilik pameran kraf & DIY, pembuatan kertas & kotak; dan;
- 6) Infrastruktur dan decking (RM30 juta)

Taman Awam Bukit Kiara

Tiada kerja pembinaan dijalankan

SATU rakaman yang tular di media sosial kononnya kerja-kerja pembinaan pangsapuri di tanah milik Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di sebelah Taman Awam Bukit Kiara menyebabkan Menteri Wilayah Persekutuan terpaksa campur tangan.

Puncanya Ahli Parlimen DAP Segambut, Hannah Yeoh membuat sidang media mempersoalkan perkara berbangkit pada pagi Khamis.

Sebelum petangnya, Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** meninjau lokasi yang dihebohkan dan mendapati apa yang dikesoh-kesohkan itu hanyalah 'fake news'.

"Tidak ada kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan di Taman Rimba Kiara sehingga mahkamah selesai membuat keputusan terhadap kawasan ini," kata beliau.

Apa yang sebenarnya berlaku adalah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membina pagar untuk memisahkan kawasan taman awam itu dengan



MENTERI Wilayah Persekutuan mendengar taklimat daripada CEO YWP, Zaizalnizam Zainun (kanan) ketika turun padang baru-baru ini.

tanah milik YWP.

Annuar berkata, beliau telah memberi arahan kepada DBKL untuk membuat garis sempadan perundangan yang menunjukkan hak milik tanah.

"Mereka (pemilik tanah) harus mematuhi arahan saya untuk tidak memulakan (kerja) sehingga mahkamah membuat keputusan."

"Saya fikir, kita juga harus ter-

libat secara positif dengan semua (penduduk dan pemaju). Tidak ada gunanya bertengkar antara satu sama lain tanpa benar-benar mengetahui keadaannya," tegas beliau.

Annuar berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di Taman Rimba Kiara setelah menerima rungutan dan kebimbangan penduduk



DATUK Bandar Kuala Lumpur menunjukkan garis sempadan antara Taman Awam Bukit Kiara dengan tanah milik YWP.

di sekitar berkenaan dengan projek pembinaan di kawasan berhampiran baru-baru ini.

Dalam lawatan itu, Annuar mendengar taklimat daripada pihak DBKL yang diwakili oleh Noor Hisham dan Zaizalnizam berkenaan kawasan itu selain mendengar sendiri pandangan daripada wakil penduduk. **W.K**

Imbas kod QR menggunakan aplikasi QR SCANNER atau GOOGLE LENS untuk menyaksikan video berita ini.



Orang ramai bebas akses taman tanpa gangguan - YWP

ORANG ramai bebas untuk menggunakan kemudahan di Taman Awam Bukit Kiara tanpa sebarang gangguan.

Walaupun pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ketika ini sedang menguruskan proses penandaan sempadan tanah bagi tujuan memudahkan kerja menaik-taraf landskap serta kemudahan taman dalam lingkungan sempadan yang nyata.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) **Zaizalnizam Zainun** berkata, taman awam itu bebas digunakan orang awam tanpa sebarang gangguan.

"YWP adalah pemilik kepada tanah no. hakmilik H.S.D 119599 PT 9244 yang terletak bersebelahan Taman Awam Bukit Kiara.

"Kami juga sudah memastikan bahawa persempadanan antara tanah milik YWP dan Taman Awam Bukit Kiara itu dibuat berdasarkan kepada 'Endorsed Survey Plan' yang disahkan oleh juru ukur bertauliah.

"Tiada kerja-kerja pemus-



YWP akan mencantikkan landskap tanahnya yang bersambung dengan Taman Awam Bukit Kiara untuk keselesaan orang ramai.

nahan taman berlaku seperti dakwaan sesetengah pihak dan tiada kerja pembinaan akan dimulakan di tanah YWP sehingga selesai kes berkaitan di mahkamah," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, YWP juga akan mencantikkan landskap di bahagian tanah YWP dan juga tanah

bersambung dengan Taman Awam Bukit Kiara itu.

"Kami juga selama ini membenarkan orang awam mengakses taman awam itu melalui tanah YWP. Ia sebagai sumbangan YWP kepada rakyat di samping usaha meningkatkan penggunaan Taman Awam Bukit Kiara," ujarnya. **W.K**

DBKL cadang tukar nama elak kekeliruan

ADA apa pada nama...? cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menukar nama Taman Rimba Bukit Kiara kepada Taman Awam Bukit Kiara tidak persetujui Ahli Parlimen DAP Segambut Hannah Yeoh Tseow Suan dan penyokong-penyokongnya.

Mereka membangkitkan perkara tersebut ketika lawatan Menteri Wilayah Persekutuan **Tan Sri TPr Annuar Musa** ke kawasan rekreasi popular di pinggir ibu kota itu.

Menjawab persoalan tersebut, di hadapan media, dengan Hannah Yeoh berdiri di sebelahnya, Annuar berkata, ada apa pada nama? beliau dipanggil Ayah Ngah di Kelantan, Annuar di KL, tapi orang yang sama sahaja.

Menurutnya, pertukaran nama tersebut itu berdasarkan cadangan daripada DBKL.

"Saya memberitahu DBKL bahawa ada prosedur

yang mesti diikuti sebelum namanya dapat ditukar.

"Saranan itu harus diserahkan kepada sebuah jawatankuasa khas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan ia belum dilakukan," katanya.

Annuar menjelaskan bahawa nama yang telah diputuskan dan digazetkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWP-KL) sewaktu hak milik tanah dikeluarkan adalah Taman Rekreasi.

Terdahulu DBKL mengumumkan pada 29 Julai lalu bahawa taman tersebut telah diubah namanya menjadi Taman Awam Bukit Kiara dari Taman Rimba Kiara.

Pertukaran nama tersebut adalah mengelakkan kekeliruan dengan Taman Persekutuan Bukit Kiara di Jalan Abang Haji Openg yang diuruskan oleh Jabatan Landskap Negara. **W.K**